

09 JAN 2004  
Buku-Peralihan  
DETIK 16 BULAN PERALIHAN KUASA DIBUKUKAN

PETALING JAYA, 9 Jan (Bernama) -- Peristiwa dan detik-detik yang dilalui negara sepanjang 16 bulan tempoh peralihan pucuk pimpinan kini

boleh diketahui secara terperinci melalui buku "Passing the Baton".

Buku tulisan Datuk Dr Ismail Noor itu turut memuatkan cabaran, tekanan

dan perasaan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi sepanjang

tempoh itu dan cara beliau menanganinya.

Peristiwa yang dianggap unik dan jarang berlaku itu dibukukan dari

peringkat awal iaitu mulai daripada tarikh pengumuman oleh Tun Dr Mahathir

Mohamad untuk meletak jawatan sebagai Perdana Menteri, Jun 2002 dan menamakan Abdullah sebagai pengganti beliau sehinggalah Abdullah mengambil

alih jawatan itu pada 31 Okt lepas.

Dr Ismail berkata buku itu turut memuatkan cetusan perasaan kedua-dua

pemimpin iaitu Abdullah yang mengambil alih jawatan nombor satu negara

serta harapan Dr Mahathir terhadap beliau dan alasan pemilihan Abdullah

sebagai penggantinya.

Pembaca juga boleh mengetahui dengan lebih mendalam cabaran yang dihadapi Abdullah, selain tohmahan, keluhan serta tekanan yang dihadapi

ketika tempoh memangku jawatan Perdana Menteri semasa Dr Mahathir bercuti.

"Ia unik kerana peralihan kuasa dari dua pemimpin yang mempunyai personaliti dan pandangan yang berbeza itu berjalan dengan amat licin

sekali," kata Dr Ismail kepada pemberita selepas pelancaran buku itu di

sini, hari ini.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri

Datuk Ir Ho Cheong Sing mewakili menterinya Datuk Seri Rafidah Aziz melancarkan buku itu.

Menurut Dr Ismail, proses peralihan kuasa secara tersusun seperti itu

amat jarang dan hanya berlaku di beberapa negara seperti Afrika Selatan,

iaitu penyerahan jawatan Presiden oleh Nelson Mandela kepada Thabo Mbeki,

Singapura (Lee Kuan Yew kepada Goh Chok Tong) dan China (Jiang Zemin

kepada  
Hu Jintao).

Katanya, buku itu sesuai dibaca semua golongan terutama pemimpin politik dan pertubuhan-pertubuhan lain untuk dijadikan contoh dan panduan selain mengenali lebih dekat pemimpin negara.

Buku itu ditulis berdasarkan pemerhatian dan temubual dengan kedua-dua pemimpin itu sendiri, katanya.

Edisi khas "Passing the Baton" setebal 182 muka surat itu kini boleh dibeli di kedai buku MPH Bookstore seluruh negara pada harga RM100 senaskhah.

Ismail berkata beliau bercadang menterjemahkan buku itu ke dalam bahasa Mandarin manakala versi bahasa Malaysia bertajuk "Silih Berganti" akan dipasarkan dalam masa terdekat.

-- BERNAMA

SHI HS AM